**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**
**FAKULTI FILEM, TEATER DAN ANIMASI**

# PEMASARAN FILEM BERCORAK SEJARAH DAN RESEPSI KHALAYAK DI MALAYSIA

**NURUL SALZUANI BINTI ALIAS**
**2011232782**

**SARJANA MUDA**
**TEKNOLOGI KREATIF (KEPUJIAN)**
**PENGURUSAN INDUSTRI KREATIF**

**MAC 2014**

FAKULTI FILEM, TEATER DAN ANIMASI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM, SELANGOR
SESI 2014

DENGAN INI MENGESAHKAN

PELAJAR : NURUL SALZUANI BINTI ALIAS
NO. MATRIK : 2011232782

TELAH MEMENUHI SEGALA SYARAT PENULISAN LATIHAN ILMIAH YANG DITETAPKAN OLEH JAWATANKUASA KHAS YANG DILANTIK OLEH FAKULTI FILEM, TEATER DAN ANIMASI,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM), SHAH ALAM.

DAN MENERIMA HASIL KAJIAN INI PADA

……………………………………….
DI HADAPAN

PENYELIA
ENCIK MOHD IZWAN DAINI MOHD SANI

……………………………………….
(TANDATANGAN)

DEKAN
PROF. A. RAZAK HJ MOHAIDEEN

……………………………………….
(TANDATANGAN)

PEMASARAN FILEM BERCORAK SEJARAH DAN RESEPSI KHALAYAK DI MALAYSIA

NURUL SALZUANI BINTI ALIAS

Latihan ilmiah ini dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada syarat memperolehi Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif (Kepujian) Pengurusan Industri Kreatif.

FAKULTI FILEM, TEATER DAN ANIMASI
2014

# PENGAKUAN

Saya mengakui bahawa kajian ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali pendapat-pendapat dan karya-karya yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya. Kajian ilmiah ini juga belum pernah dihantar ke mana-mana institusi akademik atau bukan akademik untuk sebarang ijazah atau kelulusan.

| | |
|---|---|
| Nama Pelajar | : NURUL SALZUANI BINTI ALIAS |
| No. Matrik | : 2011232782 |
| Program | : CT226 |
| Fakulti | : FILEM, TEATER DAN ANIMASI |
| Tajuk Kajian | : PEMASARAN FILEM BERCORAK SEJARAH DAN RESEPSI KHALAYAK DI MALAYSIA |
| Tandatangan | : |
| | …………………………….. |
| Tarikh | : |

# ABSTRAK

Kajian ilmiah ini bertujuan untuk mengkaji pemasaran filem bercorak sejarah di Malaysia dan resepsi atau sambutan daripada khalayak di Malaysia terhadap filem ini. Kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis kecenderungan minat khalayak terhadap filem bercorak sejarah lantas dapat meningkatkan statistik jumlah pemasaran filem ini. Kajian ini dihasilkan melalui kaedah kuantitatif dan kualititatif dengan melibatkan bilangan angka dan sesi temu ramah, kutipan data daripada jurnal-jurnal dan sebagainya. Kaedah kuantitatif dihasilkan dengan mengira jumlah peratusan borang kaji selidik, yang telah dijawab oleh 100 orang responden di Malaysia. Pengkaji telah menyerahkan borang kaji selidik kepada beberapa orang khalayak di Malaysia dengan peringkat umur, status, jantina dan kawasan yang berbeza-beza untuk menganalisis tahap penerimaan mereka terhadap pemasaran filem bercorak sejarah di Malaysia mengikut tahap pemikiran masing-masing. Melalui penyebaran borang kaji selidik ini, pengkaji dapat merungkai permintaan dan resepsi khalayak di Malaysia terhadap filem bercorak sejarah. Selain itu, pengkaji telah mengumpulkan data-data mengenai kutipan tahunan filem bercorak sejarah di Malaysia, dan telah membuat perbandingan kutipan *box office* daripada filem-filem yang bercorak ringan seperti filem aksi, romantik, komedi dan sebagainya lebih mendapat sambutan yang memberangsangkan berbanding dengan filem bercorak sejarah.